

# NUTP salah faham — PM

UM 25 MAR 2002

SUBANG 24 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak fikir Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berniat untuk 'menyerang' sekolah-sekolah kebangsaan dengan membangkitkan isu pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah berkenaan.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, beliau percaya isu itu timbul kerana NUTP salah faham terhadap tindakan sekolah mengasingkan pelajar mereka ketika kelas Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dijalankan.

Dr. Mahathir berkata, beliau telah meneliti laporan tersebut dan mendapati dakwaan mengenai pengasingan pelajar itu tidak berasas.

"Saya rasa mereka salah faham. Kita boleh menyelesaikannya (masalah tersebut)," katanya pada sidang akhbar di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di sini, sebaik tiba dari lawatan ke Rusia, Jerman dan Poland.

Dr. Mahathir berkata, pengasingan pelajar untuk waktu tertentu tidak dapat dielakkan bagi membo-

lehkan kelas Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam berjalan lancar.

Bagaimanapun, tegas beliau, pengasingan sementara itu tidak boleh dianggap sebagai wujudnya dasar pengasingan kaum di sekolah-sekolah.

Ini kerana, kata Perdana Menteri, kerajaan tidak pernah memperkenankan dasar seumpama itu.

Dr. Mahathir ditanya sama ada beliau melihat NUTP sengaja membangkitkan isu itu untuk merosakkan imej sekolah berkenaan seperti yang didakwa oleh pihak tertentu.

Sejak beberapa hari lalu, pelbagai pertubuhan terutama yang mewakili bidang perguruan mendesak Siva meminta maaf kepada semua pihak yang dituduhnya selepas siasatan sebuah jawatankuasa bebas yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan mendapati dakwaan wujudnya pengasingan pelajar di 210 buah sekolah tidak berasas.

Malah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein turut mengaitkan tuduhan tersebut sebagai usaha untuk menjatuhkan imej sekolah kebangsaan.

Sehingga kini, Siva masih enggan meminta maaf sambil menegaskan permintaan maaf secara individu tidak timbul kerana dakwaan tersebut dibuat oleh Majlis Kebangsaan NUTP.

Dr. Mahathir memberitahu, sebelum ini pun beliau sendiri ada menerima laporan yang mendakwa wujudnya pengasingan pelajar, namun setelah diteliti didapati ia tidak berasas sama sekali.

Menurut beliau, apa yang menjadi pegangan kerajaan ialah untuk menyatukan pelajar dari semua kaum di sekolah-sekolah yang ada.

Namun usaha murni itu, tegas beliau, telah dibantah oleh pihak tertentu yang jelas tidak mahu melihat wujudnya perhubungan harmoni dan perpaduan antara kaum terjalin erat di kalangan para pelajar.

Ekoran itu kata Perdana Menteri, adalah tidak benar jika ada yang terus mendakwa kerajaan tidak berminat untuk menyatukan pelajar dengan sengaja mengasingkan pelajar di sekolah-sekolah.